

masalah kelewatan serahan secara terpencil yang mungkin berlaku disebabkan faktor alamat penerima yang tidak lengkap, musim perayaan dan juga keadaan cuaca.

Di Daerah Sibul, terdapat tiga buah pejabat pos tetap iaitu Pejabat Pos Sibul dengan kakitangan seramai 15 orang, Pejabat Pos Rejang Park dengan kakitangan seramai 3 orang dan Pejabat Pos Sibul Jaya dengan kakitangan seramai 3 orang. Selain itu, terdapat juga Pejabat Pos Bergerak Sibul (Post On Wheels – POW) yang memberi perkhidmatan di kawasan Selangau, Pakan, Durian Bazar dan Sadit dengan kakitangan seramai 2 orang.

Selain itu, terdapat 28 orang Posmen Komuniti di seluruh Sibul di bawah Pelan Inisiatif Pos Sabah dan Sarawak (PTPSS) untuk memastikan surat dan barangan pos dapat dihantar terus ke kawasan pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membelanjakan sebanyak RM30 juta secara berterusan mulai tahun 2010 di bawah PTPSS ini.

Sementara itu, orang awam boleh membuat aduan dan laporan berkaitan perkhidmatan pos melalui talian aduan khidmat pelanggan 1-300-300, Facebook, Twitter, laman sesawang Pos Malaysia, telefon atau mengisi borang maklum balas pelanggan di semua pejabat pos, pusat pusat laju dan pusat serahan mel.